

**Keterangan: Kertas kerja dibentangkan di World Conference on Islamic Thought & Civilization Contemporary Challenges and Realities, pada 11 dan 12 September 2012, bertempat di Kinta Riverfront Hotel and Suites, Ipoh, Perak, Malaysia.**

### **Pendidikan Jasmani mentransformasi minda keusahawanan Islam**

Ahmad bin Esa ([ahmad@uthm.edu.my](mailto:ahmad@uthm.edu.my)) Universiti Tun Hussin Onn Malaysia, Johor & Fatimah Mustaffa ([fbmpjk@gmail.com](mailto:fbmpjk@gmail.com)) Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu, Melaka

#### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti transformasi minda keusahawanan Islam melalui aktiviti Pendidikan Jasmani bagi pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP), Institut Pendidikan Guru (IPG). Penekanan terhadap aspek keusahawanan Islam bakal guru kurang diberi perhatian sehingga timbul keraguan keberkesanan komponen aktiviti pendidikan jasmani apabila timbul isu graduan tidak berkualiti dan kurang menguasai kemahiran keusahawanan Islam. Responden kajian terdiri 60 guru pelatih PISMP semester 5 yang sedang mengikuti pengajian PISMP di IPG. Data dikumpulkan menggunakan borang soal selidik. Kesemua data dianalisis menggunakan pakej komputer SPSS versi 15.00 (Statistical Package For Social Sciences) dan dikemukakan dalam bentuk analisis statistik deskriptif. Dapatan kajian mendapati minda keusahawanan Islam guru pelatih IPG berjaya ditransformasi melalui aktiviti pendidikan jasmani dan didapati kompetensi pengajar dalam mengintegrasikan minda keusahawanan dalam pengajaran pendidikan jasmani masih lemah, oleh demikian pengajar perlu diberi latihan dalaman mentransformasi minda keusahawanan dalam pendidikan jasmani.

**Kata kunci :** Pendidikan Jasmani, minda keusahawanan Islam, Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)

#### **ABSTRACT**

This study attempts to identify Islam entrepreneurial mindset transformation through physical education activities for students with Bachelor of Teaching (PISMP), Institute of Education (ITE). Emphasis on entrepreneurial aspects of Islam will be given less attention to teachers doubt the effectiveness of the components of physical education activities when it comes to issues of poor quality graduates lack skills Muslims entrepreneurial mindset. The respondents were 60 student teachers PISMP semester 5 PISMP who are studying in the institute. Data were collected using questionnaires. All data were analyzed using SPSS package version 15.00 (Statistical Package For Social Sciences) and presented in the form of descriptive statistical analysis. The findings reveal that Muslims entrepreneurial mindset successful trainees IPG transform through physical education activities and teaching competence is to integrate the teaching of entrepreneurship in the minds of physical education is still weak, thus the instructor must be entrepreneurial in-house training to transform the mind in physical education.

**Keywords :** Physical Education, Muslims entrepreneurial mindset, Bachelor of Teaching (PISMP)

## 1.0 Pengenalan

Dalam era globalisasi abad ke-21, ekonomi terbuka menjadi amalan, kejayaan dan kemajuan sesuatu negara adalah bergantung pada keupayaan tenaga kerjanya bersaing di peringkat antarabangsa dan seterusnya mengerakkan masyarakat menuju keredaan Allah. Islam telah menyediakan garis panduan bidang pendidikan yang dianggap tunjang dalam pembentukan guru sebagai tenaga kerja perlu diberi perhatian. Induk kepada pendidikan iaitu, amalan pengajaran dan pembelajaran guru haruslah menjurus ke arah menyediakan pelajar agar dapat menjadi tenaga kerja yang bertaraf antarabangsa dalam semua bidang kerjaya (SGM, 2009; BPK, 2011; Interim 2011; IPG 2011). Penghasilan guru yang berkualiti dan cemerlang minda keusahawanan Islam adalah matlamat yang ditetapkan dan menjadi misi IPG, Kementerian Pelajaran Malaysia. Antara fokus KPM 2012 pembinaan keupayaan (Haili, 2012) latihan guru dan kompetensi pengajar adalah komponen pelengkap pendidikan formal (Ishak & Zulkifli, 2008). Isu latihan guru berijazah adalah penguasaan pemindahan pembelajaran kemahiran keusahawanan Islam tidak kukuh kerana tahap penguasaan pengetahuan dan integrasi elemen keusahawanan Islam dalam pengajaran masih rendah. (Julismah, 2011; Zuber, 2005; Azwan, Abdul Ghani, Mohammad & Abd. Rahman, 2005). Punca kegagalan pengajar melaksanakan integrasi dan penyerapan kemahiran dalam program latihan kerana kurang kemahiran, kekangan masa dan kebolehan pelajar (Naemah, 2007; Kember & Leung, 2005; Kember, D, Leung, D.Y.P & Rosa S.F, 2007; Kember, 2009; dan Alison, Peter & Paul, 2010). Mohd dan Saifuddin (2009) menyatakan minda keusahawanan Islam perlu dibangunkan melalui aktiviti pendidikan jasmani dan kompetensi pengajar elemen penting (Kember & Leung, 2005; Kember, D, Leung, D.Y.P & Rosa S.F, 2007; Kember, 2009) dalam pembangunan minda keusahawanan Islam guru pelatih (Kayed 2006).

Minda usahawan yang kukuh dalam aspek pengetahuan, kemahiran berfikir, berkomunikasi, kreativiti, pemikiran inovatif, bersemangat positif dan nilai moral dan etika yang baik dalam konteks keusahawanan Islam (BPK, 2011). Sehubungan perkara di atas, untuk menghasilkan guru pelatih yang mengamalkan Islam sebagai cara hidup dalam kehidupan seharian, penerapan elemen keusahawanan Islam boleh direalisasikan melalui penglibatan guru pelatih dalam aktiviti pendidikan jasmani. Menurut Astin (1999) dan Christopher (2006) telah mengkategorikan teori berkenaan pelajar iaitu penglibatan dan pengambilan, perkembangan / pembangunan dan pembelajaran dewasa, bagi memenuhi keperluan individu itu sendiri dari segi ekonomi, kokurikulum dan akademik, politik dan sosial akan tercapai melalui satu sistem pendidikan yang seimbang di antara bidang.

Bidang pendidikan jasmani mampu memberi pengalaman dari segi pendidikan, fisiologi, psikologi dan disiplin (Teng, 2005; Wee, 2002; dan Mak, 2011) minda keusahawanan Islam. Dengan keupayaan intelegence dan huda (petunjuk) yang dibekalkan, manusia mesti dipandu menjadi makhluk yang mulia dan memiliki minda keusahawanan. Insan yang tahu menggunakan akal untuk mencari dan menemui kebenaran (Nurhelmi, 2008), dalam konteks sosial ekonomi. "Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud : "siapa berpagi-pagi dengan badan yang sihat, dengan hati yang baik (ikhlas dan tenang) dan dengan bersarapan untuk hari itu, seolah-olah dia telah memiliki sebuah dunia ( memperoleh segala keperluan." (HR. Tirmizi dan Ibnu Majah).

Teori akal berkaitan minda keusahawanan Islam yang dikemukakan oleh pemikir barat boleh dijadikan sebagai sokongan kepada pemantapan sistem pembudayaan usahawanan muslim. Yang jelas ialah setiap lakuan hendaklah berpaksikan kepada sumber akidah Islam. Ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t dalam surah al-maidah 15-16 bermaksud “ Sesungguhnya telah datang kepada kamu hidayat dan kitab yang terang daripada Allah, dengan itu, Allah akan memberi petunjuk kepada orang yang mahu mengikut perintahnya akan jalan yang selamat serta mengeluarkan mereka dari kegelapan kepada cahaya yang terang dengan izinNya jua dan seterusnya menunjukkan mereka ke arah jalan yang benar” (Mohamad & Wan 2009). Oleh itu objektif kajian ini untuk :

1. Mengetahui pasti tahap penguasaan minda keusahawanan Islam.
2. Mengetahui pasti tahap kompetensi pengajar dalam pengajaran pendidikan jasmani.
3. Mengetahui pasti hubungan antara kompetensi pengajaran pengajar dalam pendidikan jasmani dengan minda keusahawanan Islam.

## **2.0 Penyataan Masalah**

Masyarakat mengakui aktiviti pendidikan jasmani seperti memanjat, menunggang kuda dan berenang yang berlandaskan sunah Nabi Muhamad s.a.w antara elemen penting dalam proses pendidikan. Namun, penekanan terhadap aspek keusahawanan Islam bakal guru kurang diberi perhatian sehingga timbul keraguan keberkesanan komponen aktiviti pendidikan jasmani apabila timbul isu graduan guru tidak berkualiti di mana temu duga perjawatan pegawai perkhidmatan pendidikan guru mendapati dari 5,510 graduan guru dipanggil temu duga SPP untuk penempatan ke sekolah hanya 4859 graduan berjaya dalam temu duga dan ditempatkan ke sekolah, selebihnya gagal dalam temu duga kerana tidak memenuhi empat elemen yang dinilai iaitu pengetahuan, keupayaan berfikir, kemahiran komunikasi, keterampilan diri dan sikap (Johari,2012). Selain itu, kritikan dari pengkritikan pendidik menyatakan ramai guru tidak menguasai kemahiran keusahawanan Islam iaitu tidak mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang memadai kepimpinan, kemahiran komunikasi dan kemahiran menyelesaikan masalah (Ahmad, 2005; Maya, 2007 dan Habsah 2012).

Berdasarkan pembacaan dan pemerhatian pengkaji, tidak banyak kajian di dalam negara yang berkait rapat dengan minda keusahawanan Islam. Oleh itu, kajian ini menumpukan kepada aspek minda keusahawanan Islam yang diperolehi melalui penglibatan pelajar dalam aktiviti pendidikan jasmani. Selain itu, pengkaji juga ingin melihat kompetensi pengajar pendidikan jasmani dan hubungan antara kompetensi pengajar dalam pendidikan jasmani dengan minda keusahawanan Islam. Aspek minda keusahawanan Islam yang ingin dilihat adalah pemikiran kritikal, penyelesaian masalah, kemahiran komunikasi dan kemahiran kerja berpasukan.

## **3.0 Metodologi**

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kuantitatif yang dijalankan secara tinjauan. Data yang diperlukan dalam kajian ini dikumpulkan melalui borang soal selidik. Instrument kajian yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan dengan nilai alfa melebihi 0.6 sebagaimana ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1 : Nilai Cronbach Alfa

| Kriteria                | Alpha |
|-------------------------|-------|
| Pemikiran kritikal      | 0.78  |
| Penyelesaian masalah    | 0.67  |
| Kemahiran komunikasi    | 0.72  |
| Kerja berpasukan        | 0.54  |
| Pembelajaran berkesan   | 0.69  |
| Pengajaran pemahaman    | 0.79  |
| Pembelajaran Kooperatif | 0.71  |

Sampel kajian adalah terdiri daripada 60 guru pelatih wanita beragama Islam yang mengikuti kursus PJM 3112 (Pengurusan dan pentadbiran pendidikan jasmani dan sukan). Kursus ini mewajibkan pelajar melaksanakan projek Karnival Permainan Tradisional yang telah digariskan untuk dilaksanakan oleh pelajar secara berkumpulan. Dalam projek ini, pelajar telah merancang dan melaksanakan karnival bagi pelajar tahap 2 SK Durian Daun, Melaka pada 28 Febuari 2012. Di samping itu pelajar juga telah diberi bimbingan dan tunjuk ajar semasa kuliah dan sesi amali.

Data yang dikumpul dikodkan, direkodkan dan dianalisis menggunakan "Statistical Package For Science Sosial (SPSS) versi 15. Data yang telah dikumpul dianalisis secara deskriptif dalam bentuk min dan sisihan piawai bagi menentukan tahap minda keusahawanan Islam. Penentuan tahap ini berdasarkan peraturan umum Nugent, Sieppert dan Hudson (2001) yang menyatakan skor-skor ini boleh digunakan untuk menggambarkan satu magitud yang bersifat kontinuum. Skor yang tinggi menunjukkan magnitud yang besar. Dalam kajian ini skor 3.33 hingga 5 menunjukkan tahap transformasi minda keusahawanan Islam yang tinggi manakala skor 1.67 hingga 3.32 menunjukkan tahap yang sederhana. Korelasi pearson digunakan bagi mencari kekuatan hubungan minda keusahawanan Islam kompetensi pengajar pendidikan jasmani dengan minda keusahawanan Islam

#### 4.0 Dapatan Kajian

Dalam kajian ini, integrasi minda keusahawanan Islam diukur berdasarkan 3 dimensi iaitu tahap minda usahawan guru pelatih, kompetensi pengajar dalam pengajaran dan hubungan antara kompetensi pensyarah dalam integrasi minda keusahawanan Islam.

Jadual 2 : Analisis Min tahap minda keusahawanan Islam pelajar.

| <b>Kriteria</b>      | <b>Min</b> | <b>SD</b> | <b>Taksiran Min</b> |
|----------------------|------------|-----------|---------------------|
| Pemikiran Kritis     | 4.40       | 0.44      | Tinggi              |
| Penyelesaian Masalah | 4.36       | 0.49      | Tinggi              |
| Kemahiran Komunikasi | 4.57       | 0.45      | Tinggi              |
| Kerja berpasukan     | 4.56       | 0.44      | Tinggi              |
| Min Keseluruhan      | 4.47       | 0.46      | Tinggi              |

Dalam kajian ini, skala minda keusahawanan merujuk tahap penguasaan minda keusahawanan guru pelatih melalui aktiviti pendidikan jasmani. Jadual 2 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai yang diperolehi. Ini menunjukkan tahap penguasaan elemen keusahawanan guru pelatih melalui aktiviti pendidikan jasmani adalah tinggi dan ini menunjukkan aktiviti pendidikan jasmani berjaya transformasi minda keusahawanan Islam.

Jadual 2 menunjukkan bahawa persetujuan tertinggi skala minda keusahawanan terletak pada kemahiran komunikasi (4.57, SD=0.45), kemahiran kerja berpasukan (min 4.56, SD0.44) dan kemahiran penyelesaian masalah dikira kriteria yang paling kurang menyumbang transformasi minda keusahawanan dengan nilai min yang dicapai adalah (min 4.36, SD=0.49). Dapatan ini disokong oleh hasil kajian Azam (2007) yang mendapati pelajar yakin bekerja dalam berpasukan akan membantu mereka dalam menyempurnakan tugas yang diberikan.

Jadual 3: Analisis kompetensi Pengajar dalam pengajaran pendidikan jasmani

| <b>Kriteria</b>         | <b>Min</b> | <b>SD</b> | <b>Taksiran Min</b> |
|-------------------------|------------|-----------|---------------------|
| Pembelajaran berkesan   | 4.42       | 0.51      | Tinggi              |
| Pengajaran pemahaman    | 4.42       | 0.54      | Tinggi              |
| Pembelajaran Kooperatif | 4.33       | 0.47      | Tinggi              |
| Min Keseluruhan         | 4.42       | 0.52      | Tinggi              |

Minda keusahawanan dicorakkan oleh kompetensi pengajar dalam pengajaran pendidikan jasmani semasa kuliah dan sesi amali. Kajian ini mendapati kompetensi pengajar dalam pengajaran berkesan dan pengajaran pemahaman mendapat persetujuan tertinggi iaitu min 4.42, SD 0.51 dan min 4.42, SD=0.54. Secara keseluruhan guru pelatih bersetuju bahawa min kompetensi minda keusahawanan pengajar dalam pengajaran pendidikan jasmani adalah tinggi.

Jadual 4 : Analisis Hubungan Korelasi Pearson antara pengajaran pengajar dengan transformasi minda keusahawanan .

| <b>Kriteria</b>         | <b>Korelasi</b> | <b>Kekuatan Korelasi</b> |
|-------------------------|-----------------|--------------------------|
| Pembelajaran berkesan   | 0.24            | Sangat lemah             |
| Pengajaran pemahaman    | 0.23            | Sangat lemah             |
| Pembelajaran Kooperatif | 0.25            | Sangat lemah             |

Jadual 4 menunjukkan hubungan korelasi pearson antara pengajaran pengajar dengan transformasi minda keusahawanan sangat lemah. Dapatan ini menyokong dapatan kajian Zuber (2003) ; Zuber (2005) dan Abd. Satar (2007) kegagalan pengajar dalam melaksanakan integrasi kemahiran dalam pengajaran masih lemah.

## 5.0 Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian mendapati minda keusahawanan berjaya di transformasi melalui aktiviti pendidikan jasmani pada tahap yang tinggi. Namun dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Mohd, Norfaryani, Azura dan Siti (2007) ; Zamri, Norasmah dan Mohamad (2008) di mana penerapan kemahiran komunikasi, kerja berpasukan dan kemahiran kepimpinan dalam kokurikulum berada pada tahap sederhana. Kajian Norasmah dan Mohamad (2008) juga mendapati bahawa kaedah paling sesuai untuk menerapkan kemahiran generik dalam kokurikulum adalah perbincangan dalam kumpulan, pelaksanaan projek dan tugas kumpulan.

Dapatan kajian menunjukkan pengajar masih lemah dalam mengintegrasikan minda keusahawanan Islam dalam pengajaran pendidikan jasmani. Dapatan ini tidak selari dengan dapatan Kember dan Leung (2005); Kember, D, Leung, D.Y.P & Rosa S.F , (2007) dan Kember (2009) di mana hubungan integrasi elemen keusahawanan dalam pengajaran pengajar adalah tinggi. Islam menekankan sifat tabligh (menyampaikan) yang berkesan dengan sifat mendorong ke arah kebaikan dan kejayaan individu dan organisasi ( Mohammad & Wan, 2009) sebagaimana firman Allah bermaksud (Al-Maidah : 67) “ Wahai Rasul Allah, sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepada mu dari tuhanmu dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya) maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusanNya dan Allah jualah akan memeliharaku dari (kejahatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat petunjuk kepada kaum yang kafir” (Mohd Nasir & Nurul Huda, 2010). Kelemahan ini mungkin berpunca sebab bahagian perkembangan kurikulum hanya menfokuskan latihan dalam perkhidmatan kepada guru-guru sekolah pendidikan jasmani dalam penerapan elemen keusahawanan, kreativiti, komunikasi dan teknologi maklumat bagi kurikulum standard sekolah rendah sejak 2010. Bagi tenaga pengajar IPG pendedahan ini kurang difokuskan.

Menurut Azwan, Abdul Ghani, Mohammad & Abd. Rahman (2005); Mohd dan Zakaria (2007) ; Joan B & Patricia (2007) dalam mengintegrasikan minda keusahawanan pendekatan dan kaedah pengajaran pengajar perlu pelbagai dan berpusatkan pelajar. Penggunaan pendekatan dan kaedah pengajaran pembelajaran banyak bergantung pada pengetahuan dan kemahiran pengajar (Robert, 2004; Ian , 2006; Zuber 2003 ; Zuber 2005; Faridah, Naimah, Hamidah dan Habibah,

2005 Kember, D, Leung, D.Y.P & Rosa S.F , 2007). Oleh itu pengajar perlu diberi kursus berterusan dan penggunaan pelbagai pendekatan dan kaedah integrasi minda keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran.

## 6.0 Kesimpulan

Bagi tujuan mengekalkan kecemerlangan IPG, maka graduan guru IPG akan terus diperkasakan kemahiran nilai tambah minda keusahawanan Islam melalui aktiviti pengajaran yang berkualiti, yang mempamerkan kelebihan dan keunggulan keberhasilan produk Islam dan perkhidmatan yang diperlukan masyarakat. Pengajar pendidikan jasmani perlu diberi latihan bagi meningkatkan kompetensi mengintegrasikan minda keusahawanan dalam pengajaran pendidikan jasmani berasaskan hubungan korelasi yang sangat lemah. Integrasi minda keusahawanan dalam pengajaran pendidikan jasmani perlu di tekankan kerana selain membentuk generasi berwawasan yang mempunyai asas yang kukuh dalam aspek pengetahuan, kemahiran berfikir, berkomunikasi, kreativiti, pemikiran inovatif, bersemangat positif dan nilai moral dan etika yang baik dalam konteks keusahawanan Islam. Integrasi minda keusahawanan Islam ini memenuhi tuntutan fardu kifayah di mana memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat. Usahawan Islam bukan sahaja dapat ganjaran malah turut mendapat keredahan di sisi Allah.

## RUJUKAN

- Abd. Shatar bin Che Abd. Rahman (2001). Pengetahuan Kandungan dan Pedagogi Guru Pendidikan Moral Ting. 4 di sebuah sekolah. Thesis PHD,UPM.
- Ahmad Esa, Mohd. Jailani Md. Yunus dan Noraini Karpawi (2005) Komunikasi menerusi kokurikulum di Politeknik. Jurnal Penyelidikan pendidikan, Jilid 7 Disember 2005. Diterbitkan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM.
- Alison, Peter dan Paul (2010) Enhancing the knowledge, attitudes, and skills of preceptors : An Australian perspective. The Journal of Continuing Education in Nursing. Vol 41 no 10,2010.
- Astin Alexander W (1999) Student Involvement: a Developmental Theory for Higher Education Journal of College Student Development. sept/okt 1999;40,5: ProQuest Education Journals.
- Azam Adnan (2010). Inisiatif pengetua dalam menentukan kejayaan organisasi sekolah. Jurnal Pendidikan <http://www.smkbp.com/indeks.php/laman:pengetua/138-cabaran-guru-masa-kini>. (2 Februari 2011)
- Azwan Ahmad, Abdul Ghani Abdullah, Mohammad Zohir Ahmad, Abd. Rahman Hj. Abd. Aziz (2005). kesan Efikasi Kendiri guru Sejarah Terhadap Amalan Pengajaran Berpanduan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Jurnal Penyelidikan Pendidikan, Jilid 7 Disember 2005. diterbitkan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM.
- BPK 2011, Kurikulum Standard sekolah Rendah : Buku Panduan Keusahawanan merentas kurikulum. kementerian Pelajaran Malaysia.

- Christopher C. (2006). Involment, developping, and retention : theoretical foundation and potential extensions for adult community college students; Oktober 2006; 34, 2: Proquest Education Journals pg 139
- Faridah Abu Hassan, Naimah Ishak, Hamidah Yusof dan Habibah Abdul Rahim (2005) Kemiskinan dan pendidikan : Perubahan minda orang Melayu ke arah kecemerlangan pendidikan akademik. Jurnal Penyelidikan Pendidikan, Jilid 7 Disember 2005. Diterbitkan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan , KPM.
- Habsah Dinin (2012) Transformasi pendidikan negara untuk rakyat : kajian semula mantapkan sistem pendidikan negara Berita Harian, sabtu 28 April 2012
- Haili Dorhan (2012). Syarahan perdana Rektor IPGM, KPM : Transformansi Pendidikan Guru : Antara Cabaran dan Harapan. Di IPG Kampus Perempuan Melayu, Melaka pada 8 Mei 2012.
- Ian R. Conford (2006) A Refereed Paper Presented at the AARE conference in Adelaide 26-30 Nov 2006.
- Interim (2011) Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Putrajaya.
- IPG (2011) Pelan Strategik IPG Malaysia 2011-2015, Institut Pendidikan Guru , Kementerian Pelajaran Malaysia, IPGM, Cyberjaya.
- Ishak Yusof dan Zulkifli Osman (2008). Pembangunan modal insan di Malaysia : Perspektif Ekonomi dalam Buku Pembangunan Modal Insan Isu dan Cabaran, Penerbit UKM, Bangi.
- Joan , B & Patricia M.C.L (2007) Cooperatif learning : a pedagogy to improve students' generic skills? Education training Vol. 49 No. 2 pg 126-137
- Johari Ibrahim (2012) Graduan ISMP (Ijazah Sarjana Muda Pendidikan) di serap mulai Mei : 4,671 bakal guru ditempatkan ke sekolah seluruh negara secara berperingkat. ms4 (Nasional) Berita Harian, sabtu 28 April 2012
- Julismah Jani (2011) Pengenalan Ilmu Konten Pedagogi dalam PJ dan Sains Sukan. Edisi kedua, UPSI, Tanjung Malim, Perak.
- Kayed, R.N(2006) Islamic entrepreneurship : Case Study of the Kingdom of Saudi Arabia. Thesis PHD Massey University Palmerston North, New Zealand.
- Kember, D (2009) Nurturing generic capabilities through a teaching and learning environment which provides practise in their use. High Educ (2009) 57:37-35
- Kember, D & Leung, D.Y.P (2005) The Influence of the teaching and learning environment on the development on the development of generic capabilities needed for a knowledge based society. Learning environments research (2005) 8: 245-266
- Kember, D; Leung, D.Y.P & Rosa S.F (2007) Charactizing learning environments capable of nurturing generic capabilities in higher education. Research in Higher Education, vol 48, no 5 August 2007.
- Mak Song Sang (2011) Pengurusan Kokurikulum, Multimedia Selangor.
- Maya Khemlani David (2007). Soft skills and the pre employment programme : fokus on the University of Malaya. (Monograf 1) CTLHE 07, 12-14 Disember 2007, UPM.



- Mohammad Noorizzuddin Nooh, Wan Rasyidah Wang Nawang (2009). *Usahawan Muslim : Isu dan cabaran*. Seminar Pembudayaan dan Pendidikan Keusahawanan Remaja.
- Mohd Nasir Bin Ripin & Nurul Huda Binti Mansur (2010) *Keusahawanan menurut perspektif Al-Quran*. eprints.utm.my
- Mohd. Majid Konting dan Zakaria Kasa (2007). Penerapan hasil pembelajaran dan kemahiran insaniah dalam dalam kurikulum pengajian tinggi. (Monograf 1) CTLHE 07, 12-14 Disember 2007, UPM.
- Mohd. Majid Konting, Norfaryani Kamaruddin, Nor Azirawani Man, Azura Adam, Siti Norziah Abdullah (2007) *Pentaksiran Kemahiran Insaniah Awalan dalam Kalangan Pelajar*. (Monograf 1) CTLHE 07, 12-14 Disember 2007, UPM.
- Mohd. Sahandri Gani Hamzah dan Saifuddin Kumar Abdullah (2009) *Generic Skills Needed to Produce Human Capital with "First Class Mentality"*. *European Journal of Social Sciences* – volume 10, Number 1(2009)
- Naemah Mohd. Yusof (2007) *Penggabungan jalinan dan penyerapan dalam pengajaran pembelajaran pensyarah untuk melahirkan modal insan di IPTA*, (Monograf 1) CTLHE 07, 12-14 Disember 2007 , UPM.
- Nugent, W., Sieppert, J., & Hudson, W.(2001). *Practice evaluation for the 21<sup>st</sup> century*. Pacific Grove, CA; Brooks/Cole.
- Nurhelmi Ikhsan (2008) *Kepimpinan Islam : Konsep dan Amalan*, Seminar Pengurusan Islam, 2008 Shah Alam.
- Paul E. Bendheim, MD (2010) *The Brain Training Revolution A proven workout for Healthy Brain Aging*, Advance Quest publication, Petaling Jaya, Selangor.
- Robert Lee Snoke (2004) *Generic Attributes of Australian Information System Graduates an Empirical Study*, Thesis PHD, Queensland university of Technology, Australia.
- SGM (2009) , *Standard Guru Malaysia, Bahagian Pendidikan Guru*, KPM.
- Teng Boon Tong (2005) *Siri Pendidikan Malaysia Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan Kursus diploma Perguruan Malaysia*, Longman Selangor.
- Wee Eng Hoe (2002) *Pendidikan Jasmani dan Kesihatan*. Karisma production Sdn. Bhd. Selangor.
- Zamri Mohamad, Norasmah Othman & Mohamad Sani Ibrahim (2008). *Profesionalisme Guru Novis : Model Latihan*. Cetakan kedua. Bangi : Fakulti Pendidikan, UKM.
- Zuber Hassan (2003) *PE Teacher Education in Malaysia : Acase study*. Thesis PHD, School of Education and Profesional Development, University of East Anglia.
- Zuber Hassan (2005) *Evaluating the KPLI Physical Education Programme*. *Jurnal Penyelidikan Dasar pendidikan*, Jilid 7 disember 2005. Diterbitkan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. KPM.